



LAPORAN PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2018-2019





LAPORAN PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2018-2019



PERGADANAN PUTRA JAYA

KANDUNGAN

PERUTUSAN

PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

i

KATA-KATA ALUAN

NAIB PRESIDEN, JABATAN PERANCANGAN BANDAR

iii

LATAR BELAKANG PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA

v

TASK FORCE PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2018 - 2019

TASK FORCE 1 :

PENCEGAHAN JENAYAH DAN GEJALA SOSIAL

1 - 62

TASK FORCE 2 :

REKA BENTUK PERSEKITARAN BANDAR DAN PERANCANGAN

63 - 116

TASK FORCE 3 :

INFRASTRUKTUR, AMENITIES, KESELAMATAN JALAN RAYA DAN
PENDIDIKAN KESEDARAN AWAM

117 - 164

TASK FORCE 4 :

PENCEGAHAN DENGGI DI PUTRAJAYA

165 - 168



KATA ALUAN

PERUTUSAN YBHG. DATUK DR. PRESIDEN



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah inayahnya pelaksanaan program Bandar Selamat Putrajaya telah dapat dilaksanakan sejak tahun 2010. Isu keselamatan merupakan agenda negara yang sangat penting dan turut diberi penekanan dalam semua perancangan pembangunan perbandaran dan petempatan baru. Kerajaan Malaysia sedar kesan jenayah bukan hanya memberi impak buruk kepada masyarakat malah ianya boleh menjejaskan ekonomi negara. Mesyuarat Jemaah Menteri Malaysia pada 28 Januari 2004 telah mencadangkan supaya diwujudkan bandar dan pekan yang selamat sebagai langkah mencegah jenayah. Selaras dengan matlamat tersebut, Program Bandar Selamat telah diwujudkan di semua pihak berkuasa tempatan Malaysia, di bawah penyelarasan pihak PLAN Malaysia.

Usaha memerangi jenayah khususnya di Putrajaya bukan hanya terletak di atas bahu Perbadanan Putrajaya selaku Pihak Berkuasa Tempatan dan juga di bahu Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sahaja bahkan semua agensi lain yang berkaitan. Perbadanan Putrajaya mensasarkan penglibatan pelbagai pihak membentuk satu pasukan yang komprehensif bagi memerangi jenayah dari pelbagai sudut. Justeru itu, Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya pada pertengahan tahun 2010.

Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat dianggotai oleh wakil-wakil daripada dua puluh lima (25) agensi dan bersidang sekali dalam tempoh 2 bulan. Semua pelaporan inisiatif program-program Bandar Selamat Putrajaya diangkat untuk perakuan mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya sebelum dikemukakan pelaporan berkenaan ke pihak PLAN Malaysia dan MAMPU.

Setelah lebih kurang 11 tahun pelaksanaan program Bandar Selamat Putrajaya dengan pelbagai usaha dijayakan, masih terdapat kebimbangan mengenai peningkatan jenayah. Sehubungan itu, saya ingin menyeru supaya semua usaha ke arah membentasi jenayah dan gejala sosial di Putrajaya ini dapat dipergiatkan untuk meletakkan Putrajaya sebagai salah satu bandar yang paling selamat di Malaysia.


Statistik jenayah di Putrajaya untuk tahun 2018-2019, didapati kadar jenayah telah meningkat dari 211 kes (Tahun 2018) kepada 246 kes (2019) dengan peningkatan sebanyak 14.00% (35 kes). Antara kes jenayah yang tertinggi pada 2019 adalah kes curi (95 kes), kes curi motosikal (68 kes), pecah rumah dan curi (43 kes) dan curi motokar (17 kes). Kes demam Denggi pula meningkat 453 kes (Tahun 2018) kepada 1,068 kes (Tahun 2019), di mana terdapat peningkatan sebanyak 57% (+615 kes), dengan 2 kes kematian pada tahun 2019. Diharap pelbagai usaha lagi dapat diadakan secara berterusan untuk Program Bandar Selamat Putrajaya dan perlu juga dipastikan setiap perancangan projek dan program Bandar Selamat Putrajaya benar-benar menepati kehendak Warga Putrajaya. Selain itu Perbadanan Putrajaya juga sedang mengorak langkah ke arah Bandar Pintar. Penggunaan teknologi seperti CCTV dan semua kelengkapan sistem di *Putrajaya Command Centre* diharapkan dapat membantu kecekapan sistem keselamatan di Putrajaya.

Sistem "*Geography Information System*" (GIS) menyediakan *platform* pemantauan yang lebih berkesan. Maklumat seperti lokasi jenayah, analisis *hotspot* jenayah, analisis corak jenayah dan laporan statistik jenayah akan memudahkan PDRM merancang strategi pencegahan dan tindakan tepat. Penggunaan teknologi sistem pemetaan GIS bukan sahaja menyimpan maklumat secara *digital* tetapi juga mampu memaparkan analisis dan statistik yang jelas dan berkesan.

Saya mengambil maklum terdapat sebanyak 53 kelab rukun tetangga dan Skim SRS pada masa ini di Putrajaya di bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Diharapkan pasukan ini juga dapat menggembeling tenaga sama-sama terlibat dalam program Bandar Selamat Putrajaya.

Di sini saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan program Bandar Selamat Putrajaya sepanjang tempoh ini. Adalah menjadi harapan agar pelaksanaan program Bandar Selamat ini dapat dipertingkatkan lagi dengan pelbagai inisiatif dan inovasi untuk kepentingan warga Putrajaya seluruhnya pada masa kini dan akan datang.

Sekian, Wassalam.



.....
(DATUK DR AMINUDDIN BIN HASSIM)



KATA-KATA ALUAN

NAIB PRESIDEN, JABATAN PERANCANGAN BANDAR



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinnya Urusetia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya telah berjaya menerbitkan Laporan Pelaksanaan Bandar Selamat Putrajaya. Syabas dan tahniah kepada pihak Urusetia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dan semua pihak terlibat dalam menjayakan program-program Bandar Selamat Putrajaya bertujuan untuk mengurangkan jenayah dan gejala-gejala sosial dan wabak penyakit yang boleh menjejaskan kesejahteraan Warga Putrajaya.

Konsep Bandar Selamat merupakan satu pendekatan yang diambil bagi menyelesaikan isu keselamatan yang berlaku di dalam kawasan bandar. Ianya merupakan sebahagian agenda konsep *liveable cities* yang memberi fokus utama kepada masalah jenayah di bandar. Konsep Bandar Selamat menjadi semakin penting apabila *UN-Habitat United Nations* menekankan kepentingannya pada tahun 1996 berikutan peningkatan kadar kes jenayah bandar di seluruh dunia. Keadaan ini memberi kesedaran kepada kita bahawa keselamatan di kawasan bandar kini kian terancam sedangkan keselamatan juga merupakan salah satu indikator penting bagi menjamin kualiti hidup masyarakat bandar.

Di Malaysia, pelaksanaan program Bandar Selamat telah menjadi salah satu agenda utama dalam pembangunan negara. Cogan-kata "Bandar Selamat, Rakyat Sejahtera" membawa maksud bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial, dan gangguan mental. Ia juga ditakrifkan sebagai bandar yang sentiasa berada dalam keadaan terpelihara daripada segala gejala yang boleh mengancam kesejahteraan masyarakat. Tanpa aspek keselamatan dalam kehidupan bandar, adalah sukar bagi masyarakat untuk mencapai kesejahteraan hidup. Usaha ke arah mewujudkan Bandar Selamat telah pun dilaksanakan oleh beberapa badan bukan kerajaan seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia sejak awal tahun 90-an. Dijangkakan Bandar Selamat akan melahirkan sesuatu bentuk kehidupan komuniti sejahtera yang mantap dan lebih baik tanpa sebarang gangguan dan sekatan.

Program-program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan di Malaysia termasuk di Putrajaya adalah bermatlamat untuk mewujudkan :-


- Bandar yang bebas dari keganasan (*violence*), kerosakan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya.
- Bandar yang bebas dari kemusnahan, wabak penyakit berjangkit dan penyakit merbahaya dan malapetaka ekoran bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh dan serangan wabak.
- Bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral (*social and moral decay*) seperti penagihan dadah, kecurian, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya.
- Bandar yang bebas dari kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kemalangan jalanraya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya.

Kaedah pelaksanaan Bandar Selamat menyediakan pilihan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan langkah Bandar Selamat mengikut kesesuaian setempat. Pada peringkat awal, sebanyak 39 Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf bandaraya dan perbandaran di Semenanjung Malaysia terlibat untuk melaksanakan langkah program Bandar Selamat. Tindakan mengaktifkan semula dan memperluaskan Program Bandar Selamat kepada 149 PBT di seluruh negara sedang dilaksanakan di samping penjenamaan semula (*rebranding*) di mana pengurangan dari 23 langkah Program Bandar Selamat 2004 kepada 15 langkah telah dilaksanakan di semua PBT bagi memudahkan pelaksanaan dan memberikan impak yang lebih berkesan.

Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan program-program Bandar Selamat sejak tahun 2010. Pelbagai program telah dilaksanakan sehingga kini oleh semua *Task Force* Bandar Selamat iaitu program-program di bawah pasukan *Task Force 1* (Pencegahan Jenayah dan gejala sosial), *Task Force 2* (Rekabentuk Persekitaran Bandar dan Perancangan), *Task Force 3* (Infrastruktur dan ameniti, keselamatan jalanraya dan pendidikan kesedaran awam), dan *Task Force 4* (Pencegahan Denggi) di Putrajaya.

Selain daripada kepentingan untuk merancang perbandaran dan rekabentuk yang mematuhi kriteria CPTED (*crime prevention through environmental design*), komuniti bandar perlu berinteraksi bagi meningkatkan tahap keselamatan para penghuninya. Perkara ini adalah asas bagi pembentukan bandar selamat. Dalam salah satu kajian psikologi persekitaran didapati jenayah akan meningkat jika penduduk dalam sesebuah kejiranan tidak berinteraksi. Jadi untuk menjadikan sesebuah kejiranan selamat, kajian tersebut menekankan tiga perkara penting untuk mewujudkan suasana persekitaran selamat iaitu persempadanan yang jelas antara ruang awam dan persendirian, kepelbagaian kegunaan ruang dan tahap penggunaan laluan pejalan kaki yang tinggi. Perancangan yang sedemikian akan memudahkan pembentukan sebuah kejiranan bandar yang selamat. Gerakan bersama Warga Putrajaya menerusi konsep rukun tetangga dan rondaan sukarela juga diharapkan dapat membantu di samping usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan oleh keempat-empat pasukan *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan penganjuran pelbagai program selama tempoh pelaksanaan Bandar Selamat Putrajaya. Diharapkan segala usaha ini akan memberi manfaat kepada warga Putrajaya dan meletakkan Putrajaya sebagai bandar yang paling selamat di Malaysia. Inshallah. Akhir kata, setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Bandar Selamat Putrajaya. Tidak lupa juga kepada semua rakan strategik yang terlibat memberi sumbangan dan komitmen kepada usaha ini. **Sekian, terima kasih.**



(DATO FADLUN BIN MAK UJUD)





LATAR BELAKANG **PROGRAM** **BANDAR SELAMAT** **PUTRAJAYA**

LATAR BELAKANG PROGRAM BANDAR SELAMAT

Kajian semula Program Bandar Selamat sedia ada merupakan di antara aktiviti NKRA di bawah tindakan KPKT. JPBD bersama *stakeholders* Program Bandar Selamat di dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Program Bandar Selamat pada 29 - 30 Disember 2009 telah berbincang dan bersetuju untuk memantapkan 23 Langkah Pencegahan Jenayah 2004 kepada 15 Langkah.

Takrifan semula 15 Langkah Program Bandar Selamat bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan memberi pilihan-pilihan kepada PBT untuk melaksanakan langkah-langkah bandar selamat mengikut kesesuaian setempat. Takrifan semula ini telah dipersetujui oleh semua PBT, PDRM, KDN, wakil makmal NKRA mengurangkan Jenayah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan PBS 2004.

Takrifan semula Program Bandar Selamat 2010 mengandungi 3 Strategi dan 15 Langkah Pencegahan Jenayah. Bagaimanapun, Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya telah memutuskan supaya membuat penambahan 5 langkah iaitu :

- Langkah 16 : Penerapan Konsep *Community Policing* Bagi Mengatasi Jenayah
- Langkah 17 : Program Pencegahan Jenayah
- Langkah 18 : Pengawalan Keselamatan Jalan Raya
- Langkah 19 : Pencegahan Gejala Sosial
- Langkah 20 : Pencegahan Denggi Di Putrajaya



LATAR BELAKANG

Program Bandar Selamat di Malaysia diwujudkan pada tahun 2004 di atas arahan kabinet yang bermesyuarat pada 28 Januari 2004. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diarahkan untuk menyediakan Program Bandar Selamat untuk mewujudkan alam persekitaran bandar yang lebih selamat. Majlis Negara untuk Kerajaan Tempatan pada Oktober 2004 mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) utama melaksanakan Program Bandar Selamat.

Sehingga tahun 2009, sebanyak 39 PBT bertaraf Bandaraya dan Perbandaran menyertai dan melaksanakan beberapa langkah PBS berdasarkan kepada tahap jenayah dan kemampuan kewangan PBT. Tiada peruntukan khusus PBS diadakan oleh KPKT dan PBT oleh kerana pelaksanaan langkah PBS perlu dijadikan sebagai sebahagian daripada fungsi sedia ada PBT seperti pembersihan kawasan semak, penyediaan kemudahan keselamatan serta kawasan landskap dan sebagainya.



Pada 4 September 2008, satu Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Bil. 7/2008 telah memutuskan supaya Cadangan Kajian Pelaksanaan Bandar Selamat Di Putrajaya perlu dijalankan secara dalaman oleh Perbadanan Putrajaya.

Program Bandar Selamat ini telah diberi keutamaan oleh Kerajaan di mana satu acara menandatangani perjanjian melaksanakan inisiatif Program Bandar Selamat di antara Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diadakan pada 19 November 2009.

LATAR BELAKANG PEMBENTUKAN JAWATAN KUASA PROGRAM BANDAR SELAMAT DI PUTRAJAYA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat bertarikh 25 Januari 2010 telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Perbadanan Putrajaya untuk melaksanakan inisiatif Program Bandar Selamat di Putrajaya. Sehubungan itu, Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan Jawatankuasa Program Bandar Selamat.

Perbadanan Putrajaya telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Bengkel Bandar Selamat pada 8 dan 9 Mei 2010 bagi mendapatkan input-input dari pihak JPBD Semenanjung Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan peserta-peserta bengkel bagi pelaksanaan Program Bandar Selamat di Putrajaya.

Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya Bil.1/2010 pertama kali bersidang pada 14 Julai 2010 dan secara rasminya tertubuhnya Jawatankuasa Program Bandar Selamat Putrajaya. Mesyuarat Jawatankuasa ini akan bersidang 6 kali dalam setahun untuk memberi pelaporan kepada ahli mesyuarat.



Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan Focus Group Bandar Selamat Putrajaya

Sebanyak 4 pasukan *Task Force* yang telah diwujudkan berteraskan 20 langkah. Setiap pasukan *Task Force* ini akan membentangkan pelaporan pelaksanaan langkah-langkah bandar selamat yang telah dilaksanakan oleh pasukan mereka pada Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya. Berikut merupakan senarai pasukan *Task Force* Program Bandar Selamat Putrajaya:

1

Task Force 1

Pencegahan Jenayah & Gejala Sosial

Ketua Kumpulan:
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya

- Langkah 14 : Meningkatkan Rondaan Di Kawasan Perumahan
- Langkah 16 : Penerapan Konsep *Community Policing* Bagi Mengatasi Jenayah
- Langkah 17 : Program Pencegahan Jenayah
- Langkah 19 : Pencegahan Gejala Sosial

2

Task Force 2

Reka Bentuk Persekitaran Yang Selamat


Ketua Kumpulan:
Jabatan Perancangan Bandar, PPj

- Langkah 2 : Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Yang Selamat (CPTED)
- Langkah 3 : Pemetaan GIS Jenayah Dan Program Bandar Selamat
- Langkah 15 : Agenda Tetap Dalam Mesyuarat Perbadanan Putrajaya




Bandar Selamat Putrajaya

Perbadanan Putrajaya telah membentuk Jawatankuasa Program Bandar Selamat dan Focus Group Bandar Selamat Putrajaya sejak tahun 2011, bagi menjalankan pembangunan projek fizikal dan program berkaitan dengan Bandar Selamat. Sebanyak empat (4) pasukan Task Force telah dibentuk.



Jawatankuasa Program Bandar Selamat dan Focus Group Bandar Selamat Putrajaya adalah terdiri dari wakil-wakil dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan dengan Bandar Selamat.

DAFTAR AGENSI



AGLI MELIPATKAN JAWATANKUASA PROGRAM BANDAR SELAMAT DAN FOCUS GROUP BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



DEPT. KEMAMPUAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN



KEMENTERIAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN



KEMENTERIAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN



KEMENTERIAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN



KEMENTERIAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN






KEMENTERIAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN



KEMENTERIAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN



KEMENTERIAN
BERSEKUTUAN
BERSEKUTUAN



3

Task Force 3

Infrastruktur & Aminties Keselamatan Jalan Raya & Pendidikan Kesedaran Awam

Ketua Kumpulan:
Jabatan Kejuruteraan Dan Penyelenggaraan, PPj

- Langkah 1 : Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dengan Laluan Bermotor
- Langkah 4 : Penyediaan Balai Polis Tetap Atau Bergerak
- Langkah 5 : Penyediaan Cermin Keselamatan
- Langkah 6 : Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah
- Langkah 7 : Penyediaan Penggera Keselamatan
- Langkah 8 : Penyediaan Tempat Motosikal Berkunci
- Langkah 9 : Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Premis Perniagaan dan Tempat Awam
- Langkah 10 : Pencahayaan
- Langkah 11 : Laluan Awam Tidak Terlindung Dari Pandangan Awam
- Langkah 12 : Penjanaan Aktiviti Bersesuaian Di Kawasan Terdedah Dengan Jenayah
- Langkah 13 : Pendidikan, Kesedaran Awam Dan Publisiti
- Langkah 18 : Pengawalan Keselamatan Jalan Raya

4

Task Force 4

Pencegahan Denggi Di Putrajaya






Ketua Kumpulan:
Pejabat Kesihatan WP Putrajaya

- Langkah 20 : Pencegahan Denggi Di Putrajaya

Nota : Pasukan *Task Force* ini ditubuhkan atas inisiatif PPj untuk mengawal penularan wabak denggi di Putrajaya.

LIMA LANGKAH PELAKSANAAN SEGERA DI PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pihak PLAN Malaysia selaku Urus Setia NKRA Program Bandar Selamat juga telah menggariskan 5 Langkah Pelaksanaan Segera untuk dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Perbadanan Putrajaya bagi mengurangkan jenayah iaitu ;

-  **Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dengan Jalan Bermotor** - PBT akan mengenalpasti beberapa tumpuan kawasan awam seperti stesen bas dan rel disediakan bagi mengasingkan pejalan kaki dari laluan motor.
-  **Penyediaan Bollard atau Rel Penghadang** - PBT akan menyediakan bollard atau rel penghadang di tempat-tempat tertentu bagi mengasingkan laluan pejalan kaki dengan laluan motosikal.
-  **Membersihkan / Mengemas Kawasan-Kawasan Semak dan Terlindung** - Meningkatkan pembersihan di kawasan-kawasan kotor dan grafiti khususnya, di tempat-tempat awam seperti di sekitar laluan stesen bas, rel dan lorong-lorong tepi dan belakang premis perniagaan utama. Dengan demikian, tempat-tempat ini akan mudah diawasi oleh PBT dari aktiviti-aktiviti jenayah.
-  **Memastikan Laluan Awam Tidak Terlindung Atau Terhalang Dari Pandangan Awam** - Jejantas tidak dipenuhi dengan papan-papan iklan yang boleh melindungi laluan dari pandangan awam. Ini memudahkan aktiviti jenayah ragut, aktiviti penagihan dadah dan sebagainya. Sebarang iklan di jejantas hendaklah di paras yang tidak menghalang penglihatan (seperti di paras bumbung).
-  **Mencahayakan / Menerangkan Kawasan Gelap Yang Menjadi Sasaran Atau Tumpuan Penjenayah.** Memasang lampu di laluan jejantas, letak kereta, terowong dan sebagainya bagi memudahkan pengawasan. Semua premis perniagaan perlu memasang lampu di laluan kaki lima supaya mudah untuk diawasi dan tidak menjadi tempat yang mudah bagi peragut.





TASK FORCE 1 :

PENCEGAHAN

JENAYAH DAN

GEJALA SOSIAL







TARIKH

- 20 Januari 2018

PESERTA

- 400 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Menjalin rangkaian kerjasama dan mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat setempat dan pihak polis. Di antara pengisian yang terdapat dalam program tersebut antaranya Sesi Soal Jawab Keselamatan, Ceramah Kesihatan berkaitan Pencegahan Nyamuk Aedes dan Ceramah Keselamatan Cegah Kebakaran.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Jabatan Bomba dan Penyelamat

TEMPAT

- Padang Perpaduan Presint 11D



MAJLIS SANTAI BERSAMA MPP SUB ZON 1 DAN PEMIMPIN NGO

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 27 Januari 2018

PESERTA

- 150 Orang

TUJUAN PROGRAM



- Majlis diadakan sebagai menghargai jasa dan sumbangan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya IPD Putrajaya, para Sukarelawan, AJK MPP dan Perbadanan Putrajaya yang banyak membantu dalam melaksanakan pelbagai program anjuran Sub Zon tersebut sepanjang tahun 2017.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Majlis Perwakilan Penduduk WP Putrajaya

TEMPAT

- Jalan P 15H, Putrajaya





TARIKH

- 31 Januari 2018

PESERTA

- 60 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Memperkenalkan dan menerangkan penggunaan e-Reporting, kemudahan aplikasi "Volunteer Smartphone Patrol" (VSP) dan Sistem Semakan Online (SSO) sebagai satu inisiatif PDRM dalam mempertingkatkan perkhidmatan polis kepada masyarakat.
- Pada keseluruhannya, program yang dianjurkan ini mendapat sambutan yang baik daripada penduduk setempat yang hadir bagi mengeratkan hubungan dan mengenali penghuni dengan lebih dekat.

AGENSI

- IPD Putrajaya

TEMPAT

- Perkarangan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia Fasa 5R3, Presint 5





TARIKH

- 14 Februari 2018

TUJUAN PROGRAM

- Menyampaikan risalah Amanita kepada kaum wanita dalam membantu menyalurkan maklumat serta mengeratkan silaturahim dia antara polis dengan masyarakat setempat.

AGENSI

- IPD Putrajaya

PESERTA

- 30 Orang

TEMPAT

- Ayer 8, Presint 8





TARIKH

- 20 Februari 2018

PESERTA

- 30 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Melibatkan orang ramai untuk bersama-sama mengurangkan jenayah di kawasan masing-masing dan pada masa yang sama membantu masyarakat memahami peranan stesyen minyak sebagai lokasi yang selamat untuk mendapatkan bantuan.
- Menjalinkan kerjasama dua hala antara PDRM dengan Pengusaha Stesyen Minyak dalam usaha memerangi jenayah dan menyelamatkan mangsa jenayah.

AGENSI

- IPD Putrajaya

TEMPAT

- Stesen Minyak Shell, Presint 16





TARIKH

- 1 Mac 2018

PESERTA

- 30 Orang

TUJUAN PROGRAM


- Melibatkan orang ramai untuk bersama-sama mengurangkan jenayah di kawasan masing-masing dan pada masa yang sama membantu masyarakat memahami peranan stesyen minyak sebagai lokasi yang selamat untuk mendapatkan bantuan.
- Menjalinkan kerjasama dua hala antara PDRM dengan Pengusaha Stesyen Minyak dalam usaha memerangi jenayah dan menyelamatkan mangsa jenayah.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Perbadanan Putrajaya

TEMPAT

- Stesen Minyak Petronas, Presint 16





TARIKH

- 1 April 2018

PESERTA

- 300 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Program Semarak Perpaduan ini diadakan bertujuan mencapai objektif yang digariskan antaranya:
- Menyampaikan maklumat terkini berkaitan isu-isu dan trend jenayah semasa kepada pemimpin-pemimpin komuniti untuk disampaikan kepada penduduk dan memberi kesedaran tentang keselamatan kawasan kejiranan dan keselamatan negara.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Majlis Perwakilan Penduduk WP Putrajaya

TEMPAT

- Anjung Kelab Tasik, Presint 8



PROGRAM PERPADUAN DI HATI RUKUN TETANGGA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 15 April 2018

PESERTA

- 200 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Meningkatkan kesedaran betapa pentingnya kerjasama dikalangan warga KRT dalam usaha pencegahan jenayah dan mencadangkan penubuhan Skwad Sehati Sejiwa (SSS) yang prihatin untuk melaksanakan rondaan di kawasan perumahan masing-masing dan penyampaian anugerah.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan

TEMPAT

- Podium Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Persiaran Perdana Presint 4





TARIKH

- 25 April 2018

PESERTA

- 200 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Bertemu dan berinteraksi dengan para peniaga dan pengunjung Bazar Ramadhan di Presint 3, Putrajaya.
- Mengingatkan masyarakat tentang aspek keselamatan diri, kediaman dan harta benda terutama sekali ketika musim perayaan dengan mengedarkan pamflet pencegahan jenayah.

AGENSI

- IPD Putrajaya

TEMPAT

- Bazar Ramadhan di Presint 3





**Jabatan Perpaduan
Putrajaya**

PROGRAM KESELAMATAN KOMUNITI FASA 12

Tarikh : 30 Jun 2018 (Sabtu)

Masa : 8.30 pagi hingga 1.00 ptg

Tempat : Dewan Komuniti Fasa 12

TARIKH

- 30 Jun 2018

TUJUAN PROGRAM

- Memberi taklimat keselamatan yang merangkumi statistik kejadian dan tips pencegahan jenayah disamping mengajak para penduduk agar membantu pihak PDRM dalam menangani pelbagai isu jenayah.

AGENSI




- IPD Putrajaya
- Jabatan Perpaduan Putrajaya
- Pejabat Kesihatan Putrajaya
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya

PESERTA

- 100 Orang

TEMPAT

- Dewan Komuniti Fasa 12



PROGRAM COMMUNITY POLICING – JOM RONDA RIADAH KAYUHAN BASIKAL & CEGAH JENAYAH

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 10 Ogos 2018

PESERTA

- 150 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Menunjukkan kehadiran polis dan beramah mesra dengan masyarakat setempat disamping menyampaikan tip-tip pencegahan jenayah serta pengedaran risalah pencegahan jenayah.
- Program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang positif & sokongan dari penduduk setempat yang ditemuduga.

AGENSI

- IPD Putrajaya

TEMPAT

- Pangsapuri Putra Harmoni Presint ,Stesyen Minyak, Pangsapuri Fasa 5&6, Presint 9





TARIKH

- 28 September 2018

PESERTA

- 200 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Program Hari Bertemu Pelanggan diadakan bertujuan mendekati masyarakat dan memperkenalkan perkhidmatan yang ditawarkan sekaligus mengeratkan hubungan silaturahim sedia ada antara Polis dan Masyarakat.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Wakil dari Kementerian, Jabatan, Ketua-Ketua Komuniti dan warga komuniti Putrajaya.

TEMPAT

- Concourse Area (LG), Suria Mall, Presint 3





TARIKH

- 10 Oktober 2018

TUJUAN PROGRAM

- Memperkenalkan Sistem VSP (Volunteer Smartphone Petrol) kepada kaum wanita yang bertujuan agar mereka dapat menyalurkan sebarang aduan berkaitan jenayah yang berlaku di depan mata ataupun kawasan persekitaran tempat kerja dan di kawasan perumahan mereka dengan hanya memuat turun aplikasi di dalam telefon bimbit mereka.

AGENSI



- IPD Putrajaya

PESERTA

- 50 Orang

TEMPAT

- Kompleks Alamanda, Putrajaya





TARIKH

- 15 November 2018

TUJUAN PROGRAM

- Memberi kesedaran serta pendedahan terhadap langkah-langkah yang wajar di ambil sekiranya berlaku jenayah sama ada pada diri sendiri atau warga sekeliling.

AGENSI

- IPD Putrajaya

PESERTA

- 50 Orang

TEMPAT

- Dewan Serbaguna Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1)





TARIKH

- 9 Jan 2019

TUJUAN PROGRAM

- Memberi penerangan tentang keselamatan perjalanan, semasa dan pulang dari tadika, menasihati kanak-kanak agar tidak mengikut atau bersama mana-mana individu yang tidak dikenali.

AGENSI


- IPD Putrajaya

PESERTA

- 100 Orang

TEMPAT

- Tadika Muhammad Al Fateh, Presint 9



MAJLIS PERLANTIKAN PENGAWAS SEKOLAH, PRS DAN PENGAWAS PUSAT SUMBER

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 22 Januari 2019

PESERTA

- 400 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Majlis Perasmian dan penyampaian watah perlantikan Pengawas Sekolah, Pembimbing Rakan Sebaya dan Pengawas Pusat Sumber. Matlamat majlis ini dilaksanakan sebagai memberi pengiktirafan kepada pemimpin-pemimpin muda yang sama-sama bertanggungjawab menjaga disiplin dan sahsiah dalam kalangan pelajar.

AGENSI

- IPD Putrajaya

TEMPAT

- Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1)



KUNJUNGAN HORMAT MPP WILAYAH PERSEKUTUAN KE IPD PUTRAJAYA

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 29 Januari 2019

PESERTA

- 30 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Tujuan kunjungan Hormat ini adalah memperkukuhkan jalinan hubungan baik antara IPD Putrajaya dan MPP. Selain itu beberapa perkara berkaitan kerjasama antara kedua belah pihak turut dibincangkan.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Majlis Perwakilan Penduduk WP

TEMPAT

- IPD Putrajaya, Presint 7





TARIKH

- 31 Januari 2019

PESERTA

- 30 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Melibatkan orang ramai untuk bersama-sama mengurangkan jenayah di kawasan masing-masing dan pada masa yang sama membantu masyarakat memahami peranan stesen minyak sebagai lokasi yang selamat untuk mendapatkan bantuan.
- Menjalinkan kerjasama dua hala antara PDRM dengan Pengusaha Stesen Minyak dalam usaha memerangi jenayah dan menyelamatkan mangsa jenayah.

AGENSI

- IPD Putrajaya

TEMPAT

- Stesen Minyak Petronas, Presint 9





TARIKH

- 9 Februari 2019

PESERTA

- 25 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Memperkenalkan sistem VSP (Volunteer Smartphone Petrol) kepada kaum wanita yang bertujuan agar mereka dapat menyalurkan sebarang aduan berkaitan jenayah yang berlaku samaada di depan mata ataupun kawasan persekitaran tempat kerja dan di kawasan perumahan mereka dengan hanya memuat turun aplikasi di dalam telefon bimbit mereka.

AGENSI

- IPD Putrajaya

TEMPAT

- Stesen Putrajaya Sentral



PROGRAM CEGAH JENAYAH BERSAMA POLIS PUTRAJAYA

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 15 Februari 2019

PESERTA

- 50 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Melibatkan orang ramai untuk bersama-sama mengurangkan jenayah di kawasan masing-masing dan pada masa yang sama membantu masyarakat memahami peranan stesen minyak sebagai lokasi yang selamat untuk mendapatkan bantuan.
- Menjalinkan kerjasama dua hala antara PDRM dengan Pengusaha Stesen Minyak dalam usaha memerangi jenayah dan menyelamatkan mangsa jenayah

AGENSI

- IPD Putrajaya
- KRT Putra Damai

TEMPAT

- Perkarangan Surau Az-Zakirin, Putra Damai, Presint 11



MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA & MESYUARAT PERANCANGAN PROGRAM BANDAR SELAMAT 2019

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 27 Februari 2019

PESERTA

- 100 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Majlis dilaksanakan adalah bagi menghargai sumbangan dan kerjasama pelbagai agensi yang merupakan rakan strategik Perbadanan Putrajaya. Selain mengeratkan hubungan silaturahim pelbagai agensi ke arah merealisasikan Putrajaya sebagai bandar selamat.

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Perbadanan Putrajaya
- Jabatan Perpaduan
- Jabatan Keselamatan Jalan Raya

TEMPAT

- Hotel Pulse Grande, Presint 1



TAKLIMAT BLUEPRINT MASYARAKAT SEJAHTERA PUTRAJAYA

IPD PUTRAJAYA



TARIKH

- 5 Mac 2019

PESERTA

- 60 Orang

TUJUAN PROGRAM

- Melibatkan orang ramai untuk bersama-sama mengurangkan jenayah di kawasan masing-masing dan pada masa yang sama membantu masyarakat memahami peranan stesen minyak sebagai lokasi yang selamat untuk mendapatkan bantuan.
- Menjalinkan kerjasama dua hala antara PDRM dengan Pengusaha Stesen Minyak dalam usaha memerangi jenayah dan menyelamatkan mangsa jenayah

AGENSI

- IPD Putrajaya
- Perbadanan Putrajaya
